

18/06/2002

Kesatuan minta guru bertenang

Tamrin Anuar

KESATUAN guru meminta semua pendidik terutama yang terbabit dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik supaya bertenang dalam menghadapi perubahan yang bakal berlaku dengan hati terbuka dan bersikap positif mengenainya.

Guru besar dan pengetua di setiap sekolah juga perlu bersedia menerima perubahan itu, dan mereka harus berbincang dengan guru panitia yang terbabit untuk merancang dan merangka strategi bertindak bagi melaksanakan arahan dengan segera jika keputusan itu dikuatkuasakan.

Dua kesatuan yang membabitkan pengurusan sekolah rendah dan menengah iaitu Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) dan Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (PKPSM) menyatakan sokongan terhadap saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan dilaksanakan serentak di semua peringkat persekolahan mulai tahun satu.

Yang Dipertua GMGBM, Sanip Suradi berkata, saranan dan idea Perdana Menteri mungkin mengandungi mesej tersirat, supaya masyarakat negara ini khususnya Melayu bersedia mulai sekarang untuk menghadapi cabaran apabila negara mencapai status negara maju, pada 2020.

Sehubungan itu, langkah awal iaitu penguasaan ilmu pengetahuan berasaskan sains dan teknologi yang sumber rujukannya banyak dalam bahasa Inggeris memungkinkan kerajaan bertanggungjawab mempertingkatkan keberkesanan sistem pendidikan dan salah satu caranya ialah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam bahasa Inggeris.

Katanya, mesej Perdana Menteri ialah untuk menjadikan bangsa Melayu mampu bersaing pada peringkat antarabangsa apabila boleh menguasai mata pelajaran yang menjadi asas dalam bidang sains dan teknologi iaitu Matematik dan Sains.

"Oleh itu, majlis mengambil ketetapan menyokong apa juga keputusan yang diambil pucuk pimpinan jika perubahan yang dilakukan memberi kesan positif ke arah mempertingkatkan penguasaan pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

"Apabila kerajaan melaksanakan sekolah bestari matlamatnya ialah untuk melahirkan generasi pelajar yang berdaya maju dengan menguasai pelbagai bidang sains, teknologi dan ditambah penguasaan bidang teknologi maklumat sebagai asas kepada keberkesanan kurikulum sekolah itu.

"Dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran, proses menyampaikan ilmu yang sememangnya banyak terdapat dalam bahasa Inggeris akan lebih berkesan dan amat sesuai," katanya.

Sanip berkata, cadangan itu dianggap berani dan drastik tentunya Perdana Menteri mempunyai kaedah tersendiri yang telah difikirkannya mampu dan berkesan dilaksanakan dalam masa terdekat ini.

Sementara itu, Presiden PKPSM, Alimudin Mohd Dom berkata, pihaknya menyambut baik saranan Perdana Menteri kerana beliau melihat bahawa dengan menguasai bahasa Inggeris, sesuatu bangsa itu mempunyai kelebihan untuk maju.

Katanya, untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kedua-dua subjek itu dalam bahasa Inggeris dalam waktu terdekat ini, Kementerian Pendidikan perlu merancang strategi berkesan termasuk melatih guru yang terbabit dengan intensif dan berterusan.

"Pada peringkat sekolah, pihak pengetua perlu bersedia menghadapi arus perubahan ini, dan mereka harus berbincang dengan guru panitia yang terbabit untuk merancang dan merangka strategi bertindak bagi melaksanakan

arahan dengan segera jika saranan ini dilaksanakan.

"Pengalaman saya di Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak, walaupun penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar memuaskan, tetapi kami telah bersedia termasuk mengendalikan kursus pendek kepada guru mata pelajaran Sains dan Matematik mengenai perkara asas yang akan digunakan dalam pengajaran seperti arahan dan kandungan subjek berkenaan," katanya.

Mengenai halangan kepada penguasaan pelajar dalam kedua subjek berkenaan, Alimudin berkata, peringkat permulaan, memang keadaan agak bercelaru, tetapi segala-galanya akan dapat diatasi kemudian dan berdasarkan pengalaman, Kementerian tentunya telah memikirkan kesan yang akan timbul dan langkah mengatasinya.

Alimudin berkata, pihaknya berpendapat idea Perdana Menteri harus diberi perhatian serius, dan Kementerian Pendidikan dengan jaringan yang ada perlu duduk berbincang dan mencari formula yang terbaik secepat mungkin sebelum cadangan ini dilaksanakan di sekolah.

(END)